

27 JUL 2000

Hutan

PROGRAM KAWAL HUTAN MALAYSIA DIKEMUKA PADA KONGRES DUNIA

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Kongres Sedunia Kesatuan Pertubuhan Penyelidikan Perhutanan Antarabangsa ke-21 di sini bulan depan memberi peluang kepada Malaysia membentangkan program negara ini memulihara hutannya secara berterusan.

"Peluang yang diberikan adalah yang terbaik untuk kita ketengahkan kepada dunia cara bagaimana kita menguruskan hutan kita, (dan) bahawa hutan di negara ini diuruskan secara berkekalan," kata Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Datuk Dr Abdul Razak Mohd Ali pada sidang media di pejabatnya hari ini.

Persidangan enam hari mulai 7 Ogos itu di PWTC dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebagai antara pengeluar kayu-kayan tropika utama dunia, beberapa teknologi yang telah dibangunkan oleh Malaysia dalam pengurusan hutan secara berkekalan dan pengurangan kadar kerosakan hutan seperti "cable logging" akan diberikan penekanan pada persidangan itu.

Abdul Razak berkata kawasan hutan di Malaysia bukan sahaja menjadi tumpuan pembalakan tetapi juga aktiviti lain seperti kawasan tadahan air, perubatan, sumber bahan bukan kayu (buluh dan rotan), pelancongan dan rekreasi.

"Hutan dan masyarakat saling memerlukan antara satu sama lain," katanya sambil menjelaskan bahawa di Malaysia sahaja hampir setengah juta rakyatnya melibatkan diri secara terus dengan industri berasaskan perhutanan.

Sebanyak lima kertas kerja utama akan dibentangkan termasuk oleh Penasihat Khas Perdana Menteri, Tan Sri Razali Ismail mengenai pengurusan sumber-sumber asli.

Tema persidangan ialah "Hutan dan Masyarakat: Peranan Penyelidikan". Lebih 2,000 peserta dari 100 negara dijangka hadir.

--BERNAMA

FA ZS MAI